



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 23 FEBRUARI 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | LAPAN SYARIKAT MALAYSIA TANDATANGANI MOU, JANA PELABURAN BERNILAI RM197 JUTA, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | LAPAN SYARIKAT M'SIA TANDATANGANI MOU, JANA PELABURAN RM197 JUTA, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE | |
| 3. | LAPAN SYARIKAT PEROLEH PELABURAN BERNILAI RM197 JUTA, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | |
| 4. | HARGA IMPORT JAGUNG NAIK ANTARA PUNCA AYAM, TELUR MAHAL, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE | |
| 5. | SMART SBB BANTU TINGKATKAN PENGELUARAN, PRODUKTIVITI HASIL TANAMAN PADI, CETUSAN, SH -18 | |
| 6. | SUBSIDI HARGA AYAM, TELUR KAWAL KENAIKAN, NASIONAL, SH -20 | |
| 7. | INDUSTRI JAGUNG BIJIRIN PENENTU HARGA TERNAKAN, K2, KOSMO -22 | |
| 8. | UDANG KERING DAN IKAN BILIS SABAH BAKAL DIEKSPORT KE UAE, NASIONAL, SH -21 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 9. | BEKAS JURUTERBANG HASIL RATUSAN TAN JAGUNG BIJIAN, NASIONAL, BH -7 | AGROBANK |
| 10. | AGROBANK LANCAR VIDEO PENDIDIKAN PROGRAM CELIK WANG, NASIONAL, BH-7 | |
| 11. | PADI MUSNAH DIBADAI BANJIR, LOKAL, HM -17 | LAIN-LAIN |
| 12. | DUA BOT PUKAT KENKA LANGGAR SYARAT LESEN DITAHAN, NEGERI PERAK, SH -26 | |
| 13. | PADI ROSAK, MUKA DEPAN, UM -1 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



23 FEB, 2022

Lapan syarikat Malaysia tandatangani MOU, jana pelaburan bernilai RM197 juta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Lapan syarikat Malaysia tandatangani MOU, jana pelaburan bernilai RM197 juta

Oleh Adriana Mroon Ambrose

DUBAI: Syarikat-syarikat Malaysia telah menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat-syarikat di Emiriah Arab Bersatu (UAE) semasa Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai dalam usaha memacu pertanian lestari antara kedua-dua negara.

Pada masa sama, syarikat-syarikat tempatan juga bertukar MoU bersama syarikat-syarikat dari Mesir, Jerman dan Maldives serta menjadikan MoU yang ditandatangani kepada lapan dengan jumlah pelaburan keseluruhan lebih AED173 juta (RM197 juta).

Kerjasama ini merupakan acara kuncupak Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia, EXPO 2020 Dubai, di mana pertukaran dokumen MOU telah diadakan pada majlis perasmianya Isnin lalu.

Kerjasama ini akan membantu Malaysia mempromosikan dan mengembangkan potensinya dalam pertanian lestari dengan mewujudkan penglibatan yang kukuh dan

perkongsian strategik dengan UAE serta pemain global yang lain.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MoU itu merangkumi kerjasama meluas dalam penyelidikan dan pembangunan, perdagangan dan pengedaran, akses pasaran, aktiviti komersial, pelaburan, pemindahan teknologi, serta penjualan, pemasaran produk dan perkhidmatan.

Menurut beliau, kerjasama ini akan terus meningkatkan usaha pertanian lestari kerajaan Malaysia selain dapat menangani masalah perubahan iklim.

"Malaysia berada di barisan hadapan dalam mencari penyelesaian lestari bagi menangani masalah pengeluaran makanan dan keselamatan.

"Minggu Pertanian Lestari Malaysia di EXPO 2020 Dubai adalah satu inisiatif penting yang akan memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari dan juga menyemarakkan usaha menentang perubahan iklim.



KOMITED: Malaysia berada di barisan hadapan dalam mencari penyelesaian lestari bagi menangani masalah pengeluaran makanan dan keselamatan, kata Ronald.

"Kami percaya komitmen UAE terhadap pemikiran inovatif dan pembangunan lestari akan mempercepatkan hala tuju Malaysia ke arah penggunaan teknologi dan pemodenan dalam pertanian," katanya.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan In-

dustri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah semasa merasmikan minggu tersebut.


Bidang tumpuan utama yang digariskan dalam MoU termasuklah Biodiversiti kepada Kesejahteraan, Buah-Buahan Tanah Tropika dan Hasil Sampingannya, Pertanian Bandar Pintar, Penyelesaian Pertanian Pin-

tar, dan Sisa-ke-Kekayaan. Tumpuan khas juga akan diberikan kepada Kelestarian Masakan, Teknologi dan Penyelesaian Pertanian Ternaju, serta Peluang Pelaburan untuk Kelestarian Pertanian.

Acara Minggu Pertanian Lestari yang bermula dari Isnin, 21 Februari hingga Jumaat, 26 Februari ini dijangka menarik lebih 2,000 pengunjung dan delegasi.

Dengan penyertaan lebih 20 syarikat dan organisasi Malaysia, acara itu turut menyasarkan untuk menarik kerjasama global dan platform perkongsian pengetahuan bagi mencipta peluang dan penyelesaian baharu melalui pertanian lestari untuk menangani isu-isu kritikal seperti pandemik COVID-19, kemiskinan, dan perubahan iklim.

Sepanjang acara tersebut syarikat-syarikat Malaysia juga akan melancarkan dan mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan pertanian yang laris di samping menembusi pasaran serantau menggunakan UAE sebagai pintu masuk.



23 FEB, 2022

Lapan syarikat M'sia tandatangani MOU pelaburan RM197 juta

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Lapan syarikat M'sia tandatangani MOU, jana pelaburan RM197 juta

Oleh Adriana Mroon Ambrose

DUBAI: Syarikat-syarikat Malaysia telah menandatangani lima memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat di Emiriah Arab Bersatu (UAE) semasa Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai dalam usaha memacu pertanian lestari antara kedua-dua negara.

Pada masa sama, syarikat-syarikat tempatan juga bertukar MoU bersama syarikat dari Mesir, Jerman dan Maldives serta menjadikan MoU ditandatangani kepada lapan dengan jumlah pelaburan keseluruhan lebih AED173 juta (RM197 juta).

Kerjasama ini yang merupakan acara kemuncak Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia, Ekspo 2020 Dubai, di mana pertukaran dokumen MOU telah diadakan di majlis perasmuannya Isnin lalu.

Melalui kerjasama ini akan membantu Malaysia mempromosi dan mengembangkan potensi dalam pertanian lestari dengan mewujudkan penglibatan kukuh serta perkongsian strategik den-



RONALD

gan UAE dan pemain global lain.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian Lee berkata, MoU itu merangkumi kerjasama meluas dalam penyelidikan dan pembangunan, perdagangan dan pengedaran, akses pasaran, aktiviti komersial, pelaburan, pemindahan teknologi, serta penjualan, pemasaran produk dan perkhidmatan.

Menurut beliau, kerjasama ini akan terus meningkatkan usaha pertanian lestari kerajaan Malaysia selain dapat menangani masalah perubahan iklim.

"Malaysia berada di barisan hadapan dalam mencari penyelesaian lestari bagi menangani masalah pengeluaran makanan dan keselamatan.

"Minggu Pertanian Lestari Malaysia di Ekspo 2020 Dubai adalah satu inisiatif penting yang akan memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari dan juga menyemarakkan usaha menentang perubahan iklim.

"Kami percaya komitmen UAE terhadap pemikiran inovatif dan pembangunan lestari akan mempercepatkan hala tuju Malaysia ke arah penggunaan teknologi dan pemodenan dalam pertanian," katanya.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah semasa merasmikan minggu tersebut.

Bidang tumpuan utama yang digariskan dalam MoU termasuklah Biodiversiti kepada Kesejahteraan, Buah-Buahan Tanah Tropika dan Hasil Sampingannya, Pertanian Bandar Pintar, Penye-

lesaian Pertanian Pintar, dan Sisa-ke-Kekayaan.

Tumpuan khas juga akan diberikan kepada Kelestarian Masakan, Teknologi dan Penyelesaian Pertanian Terkemajuan, serta Peluang Pelaburan untuk Kelestarian Pertanian.

Acara Minggu Pertanian Lestari yang bermula dari Isnin, 21 Februari hingga Jumaat, 26 Februari 2022, dijangka menarik lebih 2,000 pengunjung dan delegasi.

Dengan penyertaan lebih 20 syarikat dan organisasi Malaysia, acara itu turut menyasarkan untuk menarik kerjasama global dan platform perkongsian pengetahuan bagi mencipta peluang dan penyelesaian baharu melalui pertanian lestari untuk menangani isu kritikal seperti pandemik COVID-19, kemiskinan dan perubahan iklim.

Sepanjang acara tersebut syarikat-syarikat Malaysia juga melancarkan dan mempromosikan pelbagai produk dan perkhidmatan pertanian yang laris di samping membina pasaran serantau menggunakan UAE sebagai pintu masuk.



23 FEB, 2022

Lapan syarikat peroleh pelaburan bernilai RM197 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

• EKSPLO 2020 DUBAI

Lapan syarikat peroleh pelaburan bernilai RM197 juta

DUBAI: Lapan syarikat Malaysia baru-baru ini menandatangani pelaburan bernilai lebih AS\$47 juta (RM197 juta) dengan perusahaan berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) semasa Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai dalam usaha memacu pertanian lestari antara kedua-dua negara.

Dilihat sebagai acara kemuncak minggu ini bermula kelmarin (21 Februari) hingga Jumaat, perkongsian itu akan membantu Malaysia mempromosikan dan mengembangkan polensinya dalam pertanian mampan dengan menjalinkan ibal unis dan strategi yang kukuh dengan UAE serta pemain global yang lain.

Menurut egeai pelaksanaan Minggu Pertanian Lestari, Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), sebanyak lima Memorandum Persefahaman (MoU), dua Memorandum Perjanjian (MoA) dan satu kontrak jualan ditandatangani kelmarin.

Antara syarikat yang menandatangani lima MoU itu ialah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

(MARDI) dan International Centre of Biosaline Agriculture (ICBA); Agarwood Synergy Holdings Sdn Bhd dan Tea & Coffee Museum LLC, MSD Innovation Sdn Bhd dan Sweet Corn General Trading LLC; Tamara Nanotech (M)-Sdn Bhd dan Hydromak; serta Global Agro Asia Sdn Bhd dengan Standard & Origin Pvt Ltd dari Maldives.

Selain itu, dua MoA yang ditandatangani adalah antara As Syura Trading & Recourse Bhd dan Finefield Trading LLC dari Mesir serta DRS Trading Sdn Bhd dan Ghulam Vegetables and Fruits LLC.

Kontrak jualan pula telah ditandatangani antara Free the Seed dan Bio4Pack GmbH dari Jerman.

Mejlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Duta Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) Datuk Mohd Tarid Sulian.

Syarikat Malaysia turut melancarkan dan mempamerkan beberapa produk dan perkhidmatan pertanian yang dicari-cari mereka serta menggunakan platform itu untuk menembusi pasaran serantau

menggunakan UAE sebagai gerbang pasaran tersebut.

Minggu Pertanian Lestari ialah salah satu daripada 26 program perdagangan dan perniagaan

mingguan yang dihoskan oleh Pavilion Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia ialah kementerian peneraju bagi penyertaan

Malaysia di Ekspo 2020 Dubai dengan Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) sebagai agensi pelaksana - Bernama

MINGGU Pertanian Lestari ialah salah satu daripada 26 program perdagangan dan perniagaan mingguan yang dihoskan oleh Pavilion Malaysia. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia ialah kementerian peneraju bagi penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai dengan Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) sebagai agensi pelaksana.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|---------|------------|
| 23/2/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

HARGA IMPORT JAGUNG NAIK ANTARA PUNCA AYAM, TELUR MAHAL



SABAK BERNAM: Peningkatan harga import jagung dari [Brazil](#) didakwa menjadi antara punca kenaikan harga ayam dan telur di negara ini sehingga memaksa kerajaan meletakkan subsidi bagi mengekang kenaikan berterusan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, isu sebenar yang dihadapi penternak ayam adalah peningkatan harga makanan haiwan

berkenaan dalam tempoh pandemik ini.

Jelasnya, kerajaan perlu membelanjakan sekurang-kurangnya RM500 juta sebulan bagi melaksanakan subsidi lima sen setiap sebiji telur dan 60 sen bagi setiap kilogram ayam untuk menghentikan kenaikan harga sumber makanan itu.

“Ini bersifat sementara dan saya yakin apabila Covid-19 selesai, harga ayam akan turun, sebab isunya adalah makanan. Jadi, makanan ini bukan kita yang naikkan harga, ia adalah harga antarabangsa daripada Brazil yang kita import jagung, di sana sekarang pun tak cukup,” katanya.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu turut mendakwa, kenaikan harga ayam turut berlaku di negara-negara lain seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jordan dan Mesir apabila harga sumber makanan itu menghampiri RM20 sekilogram.

“Jadi, bila jadi rebutan (jagung) dalam dunia, semua negara naik bukan kita sahaja. Di Jordan, harga ayam kira-kira RM18 sekilogram, kenaikan di negara lain lebih parah daripada kita dan kerajaan mereka tidak mampu.

“Di Dubai, harga ayam RM19 sekilogram, di Mesir pun sama, naik walaupun mereka bela ayam sendiri. Macam di Thailand juga, baru-baru ini kita buka import ayam dari Thailand, tetapi akhirnya jadi lebih mahal daripada kita, maka automatik terhenti. Siapa hendak import kalau terpaksa jual harga murah (rugi),” jelasnya.

Terdahulu, Nik Muhammad Zawawi menghadiri lawatan ke tapak penanaman padi wangi menerusi Smart Sawah Berskala Besar (SBB) dengan kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Felda Global Venture (FGV) serta beberapa syarikat peneraju lain.

Beliau memaklumkan, program Smart SBB yang dilaksanakan sejak tahun 2020 itu mampu meningkatkan pengeluaran padi dalam masa setahun dan dalam masa sama meningkatkan pendapatan petani lebih RM3,000.

“Jadi, lawatan kita pada hari ini iaitu penanaman padi wangi yang ditanam di sini walaupun baharu, tetapi sudah mencatatkan penanaman hampir enam tan metrik bagi satu hektar. Ada tempat seperti di Kedah saya pergi naik sampai 7.9 tan metrik dan sudah ada sudah buat dua hingga tiga kali.

“Ini adalah satu perkembangan yang baik dan sasarannya dalam tempoh yang tidak lama iaitu 10 tan metrik untuk satu hektar bagi satu musim. Sasaran kita kalau boleh kita hendak kita laksanakan Smart SBB dalam negara kita,” katanya.

23/2/2022

SINAR HARIAN

CETUSAN

18

SMART SBB bantu tingkatkan pengeluaran, produktiviti hasil tanaman padi

SEKINCHAN - Sebanyak 20 peratus pesawah di Malaysia telah menyertai SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti hasil tanaman padi pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, jumlah itu dijangka meningkat dari masa ke masa berikutan keberkesanan skim yang dilaksanakan kerajaan di beberapa negeri seperti di Selangor dan Perak sejak dua tahun lalu.

Menurutnya, pelaksanaan itu terbukti berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi dan menambah pendapatan golongan pesawah.

"Jika sebelum ini satu hektar tanaman secara manual, pesawah hanya mampu memperoleh purata tiga tan metrik tetapi dengan penglibatan mereka dalam SMART SBB, ada dalam kalangan mereka, contohnya di Kedah memperoleh 7.9 tan metrik.

"Malah, saya yakin jika ia dilakukan dalam tempoh tiga musim lagi, pesawah mampu meningkatkan hasil pengeluaran sehingga 10 tan metrik," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja sempena Program SMART SBB di Tali Air 3 Sekinchan di sini pada Selasa.

Jelas Nik Muhammad Zawawi lagi, pelaksanaan SMART SBB juga diyakini dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import.



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kiri) melawat wanggi semasa lawatan kerja sempena Program SMART SBB di Tali Air 3 Sekinchan di sini pada Selasa.

"Usaha ini diharap dapat mengatasi isu keselamatan makanan dengan mengurangkan jumlah beras import pada kadar 30 peratus.

"Menyerusi SMART SBB, kita tingkatkan lagi pengeluaran beras negara menerusi sasaran purata hasil pengeluaran 10 tan metrik semusim," ujarnya.

Beliau mengakui berbangga dengan usaha disumbangkan oleh agensi kerajaan dan pihak yang terlibat menjayakan program berkenaan.

Tambah beliau, meskipun SMART SBB masih baru, namun ia telah menunjukkan hasil berganda berbanding penanaman padi secara manual sebelum ini.

"Pesawah diingatkan agar tidak mendengar persepsi buruk yang cuba ditimbulkan pihak-pihak tertentu, kononnya kerajaan ingin mengambil alih tanah sawah dan sebagainya bagi melaksanakan program SMART SBB.

"Jangan dengar-khabar angin kerana kita ada kementerian, agensi dan jabatan

yang terlibat dalam program ini.

"Tidak timbul kerajaan ingin ambil alih tanah, guna geran untuk kewangan dan sebagainya. Ini semua fitmah," tegas beliau.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, kerajaan juga mahu membuang stigma pekerjaan sebagai pesawah dianggap kotor dan memenatkan.

"Kini, teknologi amat diperlukan seperti penggunaan dron yang boleh melakukan kerja untuk berputih hektar dalam masa sehari," jelas beliau.

Subsidi harga ayam, telur kawal kenaikan

Kenaikan harga sumber makanan itu tidak dapat dikawal berikutan kos makanan ayam yang diimport dari Brazil tidak mencukupi

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

SEKINCHAN

Keputusan kerajaan memberi subsidi ayam dan telur ayam kepada penternak berjaya menstabilkan semula harga itu di pasaran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, perbelanjaan subsidi berjumlah kira-kira RM500 juta dalam tempoh empat bulan itu dapat mengelakkan harga ayam dan telur ayam terus melambung tinggi.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, isu kenaikan harga ayam tidak dapat dikawal berikutan kos makanan ayam yang diimport dari Brazil tidak mencukupi.

“Bukan negara kita sahaja mengalami kenaikan harga ayam, malah di Jordan harga ayam mencecah RM18 sekilogram,



FOTO: BERNAMA

Perbelanjaan subsidi berjumlah kira-kira RM500 juta dalam tempoh empat bulan dapat mengelakkan harga ayam dan telur ayam terus melambung tinggi.

manakala Dubai RM19 sekilogram dan begitu juga dengan Mesir yang turut mengalami kenaikan harga ayam.

“Ini menunjukkan kenaikan harga ayam di negara lain lebih teruk berbanding di negara ini,” katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja ke Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di sini pada Selasa.

Nik Muhammad Zawawi berkata, kerajaan juga terpaksa menghentikan import ayam di Thailand berikutan harganya yang jauh lebih mahal.

“Tidak adil salahkan kerajaan semata-mata kerana kita sudah

bantu mengikut kemampuan negara.

“Malaysia satu-satunya di Asia Tenggara memberi subsidi kepada rakyat walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19. Banyak negara sudah hentikan bantuan disebabkan tidak berkemampuan,” jelasnya.

Kerajaan sebelum ini ber-setuju untuk memberi subsidi 60 sen sekilogram ayam dan lima sen sebiji telur kepada penternak ayam berkuat kuasa 5 Februari hingga 4 Jun depan.

Usaha itu dilakukan dalam usaha mengurangkan beban golongan itu dan menstabilkan bekalan.



Varia

Oleh
DATUK MOHD AL
KHAFFIZ ZAINAL

JAGUNG merupakan salah satu komoditi utama yang menyokong pembangunan industri ternakan di Malaysia. Bagaimanapun, jagung adalah industri kecil dan pengeluaran tempatan tidak dapat memenuhi permintaan pengilang.

Akibatnya, Malaysia terpaksa bergantung kepada bekalan jagung daripada pasaran global.

Situasi ini mendorong negara untuk menggiatkan semula industri jagung bagi mengurangkan pergantungan kepada hasil import.

Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan inisiatif baharu tanaman jagung bijirin pada Januari lalu.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menahut usaha ini dan menyatakan minat untuk bekerjasama dengan menggalakkan koperasi-koperasi melibatkan diri secara serius pada 14 Februari lalu.

Perkembangan ini turut menarik minat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad untuk membangunkan tanaman jagung bijirin di kawasan berkeluasan 4,000 hektar di seluruh negara, sekali gus mengulangi kenyataan yang pernah dibuat sebelum Covid-19.

Beberapa syarikat swasta termasuk Fomax International Sdn. Bhd., dan Depena Corn Sdn. Bhd., turut memberikan komitmen sejak beberapa hari lalu.

Selain itu, Malaysia turut mengkaji daya saing industri jagung Indonesia dan bersedia untuk meniru dasar serta strategi yang boleh diguna pakai.

Lawatan sambil belajar ke Indonesia dibuat sepasukan pegawai bagi memahami senario industri pada 2019.

Tiga faktor boleh dipelajari daripada Indonesia adalah dasar mesra petani komprehensif, pembangunan benih hibrid boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti jagung serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan jagung, selain kemajuan pemindahan teknologi dari makmal kepada petani.

Nilai jagung bijirin import meningkat setiap tahun dan mempengaruhiimbangan perdagangan.

Malaysia mengimport lebih RM46.74 bilion (AS\$11.32 bilion) produk makanan dan makanan haiwan menyumbang kira-kira 14.7 peratus daripada nilai itu pada 2017.

Kuantiti dan nilai import meningkat setiap tahun berikutan peningkatan dalam pengeluaran makanan haiwan dan susut nilai Ringgit Malaysia.

Sebagai contoh, import meningkat daripada 1.37 juta tan pada tahun 1990 kepada 2.59 juta tan (2000) dan 4.1 juta tan (2020) dengan kadar pertumbuhan sekitar 8.1 peratus.

Pada masa sama, kejatuhan nilai ringgit meningkatkan nilai import.

Sebagai contoh, nilai ringgit menyusut daripada RM2.12 bagi AS\$1



BAGI mengurangkan pergantungan daripada pasaran global, Malaysia merancang untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keperluan jagung bijirin menjelang 2032. — GAMBAR HIASAN

Industri jagung bijirin penentu harga ternakan



NEGARA menghasilkan lebih 5.5 juta ayam pedaging dan merupakan pengeksport bersih ayam pedaging dan telur sejak tahun 2000. — GAMBAR HIASAN

pada tahun 1980 kepada RM4.10 (2021).

Akibatnya, Malaysia terpaksa membayar lebih untuk satu unit kilogram jagung bijirin.

Dalam pada itu, 46.56 peratus jagung digunakan untuk makanan ayam pedaging, 27.58 peratus (makanan lapisan) dan 25.86 peratus (makanan babi).

Walaupun industri ternakan bergantung sepenuhnya kepada jagung bijirin import, Malaysia merupakan pengeksport bersih ayam pedaging dan telur sejak tahun 2000.

Negara menghasilkan lebih 5.5 juta ayam pedaging, 334,000 lalapan dan 147 juta ekor babi setiap tahun.

Kerajaan yakin industri jagung bijirin penting dan kritikal untuk kelangsungan

industri ternakan.

Bagaimanapun, banyak halangan perlu ditangani sebelum projek itu dapat dilaksanakan seperti mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai untuk penanaman.

Cuaca lembap boleh menjejaskan kualiti jagung dan kos pengeluaran lebih tinggi tidak menarik minat pelabur.

Pada masa sama, benih yang dibekalkan oleh pihak swasta hanya mampu mengeluarkan antara tiga hingga enam tan sehektar.

Plot eksperimen yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menghasilkan keputusan lebih baik antara lima dan enam tan sehektar.

Malaysia merancang untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keperluan jagung bijirin menjelang 2032.

MAFI pula merancang untuk membuka kawasan tanah baharu khusus untuk pengeluaran jagung bijirin.

Ini boleh dilakukan dengan menambah keluasan tanah kepada sekitar 30,000 hektar yang akan menghasilkan pengeluaran sekitar 1.4 juta tan jagung bijirin.

Pengeluaran jagung bijirin akan dijalankan di kawasan yang mempunyai musim kemarau yang panjang, kelembapan rendah dan tanah rata seperti Chuping di Perlis, Seberang Prai (Pulau Pinang) serta Bachok (Kelantan). Ia telah dimulakan pada tahun 2020 sebagai projek perintis.

Kerajaan akan mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang boleh menjana benih hibrid lebih baik yang 'bertolak ansur' kepada perosak dan penyakit serta berpotensi mengeluarkan hasil lebih tinggi.

MARDI pula menjalankan penyelidikan mengenai teknologi benih, penanaman, pengeluaran, pemrosesan serta mekanisasi dan automasi.

MARDI juga akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Bijirin Indonesia (ICERI) dalam pembangunan teknologi baharu berkaitan jagung.

DATUK MOHD AL KHAFFIZ ZAINAL ialah Pengerusi Eksekutif Makmur Group Berhad yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknikal Malaysia Melaka Holdings; sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dalam bidang Pengurusan Keselamatan & Jaminan Makanan.

23/2/2022

NASIONAL

21

SINAR
HARIAN

Udang kering dan ikan bilis Sabah bakal dieksport ke UAE

SHAH ALAM - Pengusaha ikan bilis dan udang kering di Sabah khususnya Sandakan dan Tawau dijangka memperoleh tambahan pendapatan apabila kedua-dua produk itu bakal menembusi pasaran Timur Tengah bermula dengan Emiratiah Arab Bersatu (UAE) bulan ini.

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Sylvester Entri Muran berkata, perkembangan itu susulan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara pihaknya dengan Urbanex Gulf Corporate Services selaku syarikat pengurusan eksport (EMC).

Menurutnya, hasil laut tersebut mendapat permuta-

an memberangsangkan berdasarkan sampel yang diberikan kepada peniaga meskipun harga ditawarkan agak tinggi jika dibandingkan dengan negara jiran iaitu Thailand dan Indonesia.

"Ikan bilis dan udang kering dari Malaysia di sini dapat permintaan tinggi. Peniaga gembara dengan sampel kita walaupun harga tinggi kerana ia berkualiti sebab itu mereka tawarkan (untuk eksport) kepada Nafas," katanya pada Selasa.

Sebagai permulaan, beliau menjelaskan, sebanyak 25 tan ikan bilis dan udang kering akan dieksport dengan anggaran jualan AS\$40 sekilogram dan pihak Nafas kini dalam proses penyediaan dokumentasi.

Tambahnya, menerusi MoU itu juga, Nafas akan meng-

eksport halia dan kunyit ke UAE dengan menjadikan Dubai sebagai pintu masuk sebelum mempertuas ke pasaran Timur Tengah serta Afrika Utara.

"Sebanyak 50 tan halia dan kunyit dijangka mula dieksport bulan depan dan pihak Nafas kini sedang mengumpulakan tanaman itu daripada hampir sejuta ahli di seluruh negara.

"Setakat ini, Nafas belum masuk pasaran Timur Tengah dan MoU ini sangat penting ke pada kami untuk memperluaskan pasaran dan tentunya akan membantu ahli-ahli lain," ujarnya.

Nafas merupakan antara organisasi yang menyertai Minggu Pertanian Lestari di Expo 2020 Dubai bermula Isnin sehingga Jumaat ini.

Minggu Pertanian Lestari di Pavillion Malaysia dihoskan



Entri (dapan, kiri) pada Majlis pemeteraian MoU antara Nafas dan Urbanex Gulf Corporate Services pada Isnin.

oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.

Bekas juruterbang hasil ratusan tan jagung bijian

**Tanaman di lebih
202 hektar ladang
penuhi keperluan
makanan
ternakan ruminan**

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Menyedari keber-
gantungan negara kepada beka-
lan jagung bijian import bernilai
berbilion ringgit setahun untuk
makanan ternakan ruminan,
seorang bekas juruterbang né-
kad menjadi perintis bagi lana-

man itu di negara ini.

Mula mengusahakannya sejak
lima tahun lalu, Ramana K Na-
idu, 32, kini terus melangkah
jauh apabila berjaya menghasil-
kan ratusan tan jagung bijian
setiap musim, membabitkan le-
bih 202 hektar ladangnya di be-
berapa negeri di Semenanjung.

Anak muda itu berkata, dia
meninggalkan kerjaya sebagai
juruterbang di Bangkok, Thai-
land, pada 2011 berikutan krisis
politik di negara berkenaan.

Oleh kerana minatnya yang
mendalam dalam sektor perta-
nian, anak kedua daripada tiga
beradik ini sanggup ke Thailand,
Indonesia, India dan China bagi
mempelajari teknologi pertani-
an.

“Pertanian memerlukan mo-

dul yang baik. Sebelum itu saya
beberapa kali mencuba beberapa
modul sebelum ‘berjumpa’ de-
ngan modul terbaik,” katanya ke-
tika ditemui di ladang jagung
miliknya yang berkeluasan ham-
pir 60 hektar dekat Merbok.

Kejayaan itu mendorong beliau
melebarkan sayap ke beberapa
kawasan dan negeri lain seperti
ladang di Hosba, Kubang Pasu,
selain di Perak, Pahang dan ter-
baru di Johor.

Usaha yang dilakukan turut
mendapat kerjasama AgroBank
yang memberi pinjaman untuk
membiayai lagi projek pertanian
yang dijalankan.

Pemilik Syarikat Famos Plan-
tation M Sdn Bhd ini, bagaima-
napun tidak pernah kedekut de-
ngan ilmu pertanian yang dipe-

Naidu menunjukkan jagung bijian yang
ditanam di Merbok, Sungai Petani

(Foto Danial Saad/BH)



lajari, sebaliknya mula mengajak
lebih ramai anak muda mence-
buri bidang itu.

“Sekarang saya mempunyai
jentera, mesin dan peralatan
mencukupi daripada proses me-
namam hingga menuai serta pe-
ngurusan lepas tuai, hanya benih
saja saya import dari Thailand.

“Saya juga melaksanakan Prog-
ram Famos Agropreneur Incu-
bator & Training Hub (FAITH),
seramai 30 usahawan tani sudah
menyertai program ini, iaitu me-
reka hanya perlu mempunyai ta-
nah boleh diusahakan,” katanya.
Beliau juga memperkenalkan sis-
tem tanaman jagung bijian mo-

dul koperasi, iaitu koperasi yang
mempunyai tanah bekerjasama
mengusahakan tanaman itu.

Jagung bijian biasanya dita-
nam mengikut musim, iaitu
April dan Oktober dan menga-
mbil masa selama 120 hari untuk
matang dan sedia untuk dimuai.

“Setiap hektar mampu memu-
bahakan hasil sebanyak tujuh
hingga lapan tan. Kita ada ini-
siatif khas, iaitu Famos akan
membeli balik hasil dari usaha-
wan, iaitu harga jagung bijian
ditetapkan pada RM900 setiap tan
bagi tongkol jagung, manakala
RM1,000 bagi setiap tan jagung
yang dileraikan,” katanya.

Agrobank lancar video pendidikan Program Celik Wang

Kuala Lumpur: Program Celik Wang yang dilancarkan Agrobank bagi membantu aspek pengurusan kewangan khusus untuk pelajar sekolah, kini tampil dengan pendekatan baharu melalui penerbitan video bimbitan secara santai dan menarik. Video berdurasi lapan minit yang menampilkan persomaliti media sosial dan hos rancangan, Dahlia Syazwan itu menyampaikan ilmu berkaitan asas pengurusan kewangan secara interaktif dan lengkap dengan keseluruhan modul Program Celik Wang.

Antara keutamaan dalam modul berkenaan ialah cara mengawal perbelanjaan dan simpanan yang mampu membentuk asas kewangan yang mampan merangkumi 3S iaitu *save, spend, share*.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon, berkata ia dijadikan sebagai alat komunikasi untuk sekolah angkat Agrobank sebagai penyediaan meneruskan inisiatif penyampaian ilmu pengurusan kewangan mengikut norma baharu.

“Sebelum ini, Agrobank ke sekolah-sekolah untuk menerangkan mengenai Program Celik Wang, selain mengedarkan Buku Wang Saku. Untuk meneruskan program ini dalam suasana pandemik ketika ini, kita akan memulhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Pendidikan dengan mengedarkan video ini mulai sesi penggal persekolahan baharu nanti.

“Diharap dengan menonton video ini, tidak kira sama ada di rumah atau di sekolah nanti, pelajar akan lebih mudah memahami teknik menguruskan kewangan mereka dengan cara yang lebih mudah dan efektif” katanya selepas menyempurnakan majlis pelancaran Program Celik Wang menayangkan video eksklusif yang diterbitkan Agrobank di sini, semalam.

Program Celik Wang diperkenalkan pada 2016 membabitkan 800 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dalam usaha menyuntik kesedaran mengenai kepentingan pengurusan wang de-



Aminuddin (belakang, dua dari kanan) dan Penganalisa Jabatan Kewangan Pembangunan dan Rangkaian Kewangan Bank Negara Malaysia, Sunita Sulaiman (belakang, tiga dari kanan) bersama pelajar sambil menunjukkan buku wang saku pada pelancaran Program Celik Wang Agrobank di Kota Damansara, semalam.

(Foto Owee Ah Chuan/BH)

ngan berhemah serta memberi ilmu dan tunjuk ajar cara bijak menggunakan wang. Aminuddin berkata, ilmu pengurusan kewangan pada peringkat awal menjadi elemen penting dalam meningkatkan kesedaran dan kepentingan aspek berkenaan, terutama kepada golongan muda yang ramai sering berhadapan cabaran dalam mengurus-

kan kewangan sehingga menyebabkan mereka terperangkap dalam beban hutang pada usia masih muda.

“Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan dengan lebih 50 tahun pengalaman dalam industri perbankan, Agrobank percaya program seperti ini mampu memberikan pendidikan kepada pelajar sekolah me-

ngenai kepentingan membuat keputusan kewangan yang bijak bagi menjamin kesejahteraan individu, masyarakat dan negara. Sementara itu, Aminuddin berkata, Agrobank menyeyjikan produk khas, Simpanan Agro Muda-i dalam usaha menyemai tabiat menyimpan dalam kalangan mereka berusia satu hari hingga 18 tahun.

Padi musnah dibadai banjir

Pesawah tanam secara berkelompok tanggung rugi lebih RM50,000 akibat bah minggu lalu

Marang

Seramai 25 pesawah yang menanam padi secara berkelompok di Kampung Barat dan Kampung Tuman, Pengkalan Berangan di sini, menanggung kerugian keseluruhan bernilai RM150,400 apabila tanaman yang diusahakan musnah akibat banjir minggu lepas.

Mohd Fadzly Jaafar, 44, berkata hujan lebat baru-baru ini menyebabkan 0.8 hektar padinya (daripada jumlah keseluruhan padi kelompok 12 hektar) yang sudah masak dan hanya menunggu masa untuk dituai ditenggelami air.

"Padi mula ditanam pada Oktober lepas dan sudah mula masak, janglekan hasil yang dapat dituai ialah 3,000 hingga 4,000 kilogram padi dianggarkan bernilai RM4,500 hingga RM6,000.

"Memang sedih dan agak terkilan namun bencana ini di luar dugaan dan muji saya mempunyai sumber pendapat lain untuk menyoara kebarga dengan melakukan pelbagai kerja kampung," katanya ketika ditemui pemberita di sini, malam.

Mohd Fadzly berkata, ban-



DARU KIRI, Mohd Sabudin Mokhtar, Mohd Pauza, Mohd Fadzly dan Wan Khairul Wan Abdulah menunjukkan padi yang rusak di sawah berkeluasan 12 hektar susulan kejadian banjir yang berlaku pada minggu lepas di kampung Tuman, Pengkalan Berangan.

paruh daripada dua hektar padinya musnah akibat banjir, dia tetap berharap ada bantuan bersesuaian daripada pihak berkuasa untuk meringankan beban mereka. "Kegiatan jabatan Per-

tanian Negeri Terengganu ada membuat tinjauan dan penilaian kerugian baru-baru ini iaitu RM1,680 untuk setiap ekar sawah. Besar harapan kami agar bantuan ini dapat disegerakan, boleh

kami buat pusingan untuk tanaman seterusnya," katanya. Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adui) Pengkalan Berangan Sulaiman Sulong berkata,



Memang sedih dan agak terkilan namun bencana ini di luar dugaan dan muji saya mempunyai sumber pendapatan lain untuk menyara keluarga"

Mohd Fadzly Jaafar

terdapat 50 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di sekitar kawasan itu dengan keluasan keseluruhan ialah 121 hektar namun hanya 25 pesawah terjejas kerana lokasi sawah mereka agak rendah.

"Antara kawasan sawah padi yang terjejas akibat banjir ini ialah di Kampung Bukit Kulim, Bukit Gating, Kampung Tuman dan Bukit Jejulong.

"Saya meminta mereka metengahkan permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada jabatan Pertanian, Negeri Terengganu, manakala di peringkat kerajaan negeri, kita akan salurkan bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian secepat mungkin, katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|--------------|------------|
| 23/2/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK | 26 |

Dua bot pukat kenka langgar syarat lesen ditahan



Dua bot pukat kenka yang dikendalikan tiga kru ditahan Maritim Malaysia selepas didapati melanggar syarat sah lesen di Kuala Kurau. Foto: Ihsan Maritim Malaysia

PARIT BUNTAR - Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan dua bot pukat kenka selepas didapati melanggar syarat sah lesen di kedudukan 8.5 dan 8.7 batu nautika, barat daya muara Kuala Kurau di sini pada Isnin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, kedua-dua bot yang dikendalikan tiga kru itu ditahan sekitar jam 1.50 petang selepas dikesan dalam keadaan mencurigakan ketika melakukan aktiviti perikanan.

“Hasil pemeriksaan mendapati bot pertama dikendalikan dua kru termasuk tekong manakala bot kedua dikendalikan tekong sahaja. Kesemua mereka berusia 57 hingga 65 tahun.

“Pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua buah bot terbabit beroperasi secara bersama dan mempunyai lesen vesel yang sah, namun kesemua kru gagal membuktikan mereka adalah pemilik bot terbabit,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Menurutnya, kedua-dua bot bersama kru, peralatan menangkap ikan dan 300 kilogram ikan baja dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 iaitu bot tidak diusahakan sendiri oleh pemilik.

“Nelayan diingatkan agar sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan demi kesejahteraan bersama,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|------------|------------|
| 23/2/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |



Padi rosak

MOHD. Fadzly Jaafar, 44, menunjukkan padinya yang sudah masak rosak selepas sawah seluas 12 hektar di Kampung Tuman, Pengkalan Berangan, Terengganu, semalam ditenggelami banjir ekoran hujan lebat minggu lalu. Keadaan itu turut menyebabkan kira-kira 20 pesawah di kampung berkenaan dan kawasan sekitarnya kerugian RM30,000. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI